

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Tuan Liew Chin Tong
[KLUANG]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap penyemakan sempadan dan perubahan bilangan kawasan pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, jangka tarikh-tarikh memapar maklumat kepada orang awam dan pembentangan laporan akhir kepada Parlimen.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri akan bermula dari tarikh tersiarnya notis yang akan diwartakan menurut Seksyen 4 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut peruntukan Perenggan (iii) Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, selepas SPR mewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Bagi proses pembentangan laporan akhir kepada Dewan Rakyat, ianya adalah di bawah bidang kuasa YAB Perdana Menteri berdasarkan Seksyen 9, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.